

Pengiktirafan

Anugerah emas di Pameran Antarabangsa Mengenai Reka bentuk, Inovasi, Reka Cipta dan Idea Pematuhan Syariah (SCIID2014), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam.

● Anugerah emas Pameran Inovasi Islam ke-5 (i-Inova2014), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan.

● Anugerah gangsa Ekspo Teknologi Malaysia 2015 (MTE 2015)

Kelebihan

- Mudah dipasang, disimpan dan dibawa
- Senang dibersihkan
- Mesra pengguna
- Lebih selamat
- Mudah alih
- Menarik
- Lebih menggambarkan rupa bentuk sebenar

Alat bantu buat ibadah

Dua universiti hasilkan alat bantu umat Islam buat umrah dan haji

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

PELAKSANAN ibadah yang sempurna pastinya menjadi idaman setiap Muslim yang mengharapkan ganjaran Allah SWT. Mencapai ibadah yang sempurna pastinya mengambil kira pelbagai faktor antaranya kesusuk semasa melaksanakan dan juga terbit serta mengetahui cara yang betul.

Pengetahuan yang mendalam serta latihan yang tekun akan membantu ke arah pelaksanaan ibadah yang sempurna dengan sokongan lain termasuk persekitaran atau suasana yang sesuai.

Justeru, ramai umat Islam yang benar-benar teruja jika ada kaedah yang

membantu mereka mencapai tahap mendalam pelaksanaan apa juga ibadah yang mereka lakukan.

Satu daripada kaedah tersebut adalah pembelajaran yang mudah difahami dan senang untuk diamalkan.

Hari ini, teknologi banyak membantu dalam pelbagai aspek termasuklah mempelajari ibadah.

Sekumpulan penyelidik Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai contoh berjaya menghasilkan satu perisian yang membantu dalam pelaksanaan ibadah haji dan umrah.

Ketua kumpulan penyelidiknyanya, **Mohd. Shahir Yahya** berkata, penyelidikan tersebut diberi nama PAHAM yang merupakan singkatan bagi set Praktikal Haji Mudah Alih. Beliau berkata, set PAHAM direka bagi penambahbaikan set sedia ada yang digunakan semasa bakal jemaah menjalani sesi praktikal haji dan umrah iaitu bakal jemaah akan tawaf mengelilingi Kaabah dan Hijr Ismail.

"Apabila selesai tawaf sebanyak tujuh kali, bakal jemaah akan bersembahyang sunat tawaf di belakang maqam Ibrahim. Bagi amali haji hanya tambahan jamrah iaitu jamrah digunakan semasa amali melontar di tiga jamrah," ujarnya.

Set PAHAM terdiri daripada seunit kaabah, seunit hijr ismail, seunit maqam Ibrahim, dan tiga unit jamrah (mewakili Jamrah Ula, Jamrah Wustu dan Jamrah Aqabah).


Selain beliau, penyelidikan tersebut yang bermula sejak tahun 2012 dan siap pada Disember 2014 adalah Dr. Musli Mohammad, Prof. Madya Dr. Mustafa Ibrahim, Ghazali Kadis dan Abd. Khalid Abd. Rahim dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UTHM.

Beliau berkata, idea kajian bermula semasa beliau terlibat sebagai sukarelawan bagi kursus haji perdana anjuran Lembaga Tabung Haji Negeri Johor di UTHM pada tahun 2012.

Semasa sesi praktikal haji, Tabung Haji menggunakan set praktikal yang diperbuat daripada besi yang memerlukan ramai pekerja, masa pemasangan yang lama dan kos pengangkutan yang tinggi. Ekoran keluhan dan perbincangan bersama pegawai yang terlibat, beliau mula merancang untuk menambah baik produk sedia ada yang lebih mesra pengguna dan kos berulang yang lebih murah.

Dengan sokongan UTHM menerusi geran pembangunan produk, produk set PAHAM dapat disiapkan dengan jayanya pada masa yang dirancang.

Berkongsi lebih lanjut, beliau berkata,



MOHD. SHAHIR YAHYA (kanan) dan rakan penyelidik Abdul Khalid Abd. Rahim bersama set PAHAM.

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN Faculty Of Mechanic And Manufacturing Engineering



KUMPULAN penyelidik (dari kiri) Ghazali Kadis, Shahir, Dr. Mustafa Ibrahim, Dr. Musli Mohammad dan Abd. Khalid Abdul Rahim yang terlibat bagi projek penghasilan set PAHAM.

Produk tersebut dihasilkan menggunakan konsep kembang (inflatable concept). Dengan penggunaan konsep inovasi itu, masa pemasangan dapat dikurangkan iaitu 15 minit setiap set, kos pengangkutan dan pekerja dapat dikurangkan iaitu hanya muat dalam sebuah kereta, ruang penyimpanan sikit, mudah alih, mesra pengguna dan lebih menggambarkan reka bentuk sebenar dalam bentuk dan warna."

produk tersebut dihasilkan menggunakan konsep kembang (inflatable concept).

Dengan penggunaan konsep inovasi itu, masa pemasangan dapat dikurangkan iaitu 15 minit setiap set, kos pengangkutan dan pekerja dapat dikurangkan iaitu hanya muat dalam sebuah kereta, ruang penyimpanan sikit, mudah alih, mesra pengguna dan lebih menggambarkan reka bentuk sebenar dalam bentuk dan warna.

Produk ini juga telah difailkan hak cipta UTHM.

Dalam pada itu beliau memberitahu, penghasilan produk atau set berkenaan turut mendapat kerjasama syarikat Poto Travels dan Tours.

"Bermula tahun 2016, kerjasama pemasaran set PAHAM melibatkan syarikat Fiejoa Resources Sdn. Bhd.," ujarnya.

Produk PAHAM mendapat penghargaan dan maklum balas positif daripada pelbagai pihak antaranya Majlis Agama Islam Johor, Lembaga Tabung Haji Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang, G-Hard Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kundang, Rawang, Selangor.

Mengenai perancangan masa depan, pihaknya bercadang meluaskan set tersebut ke seluruh negara dan negara Islam amnya.

Justeru, beliau berharap set tersebut dapat berfungsi sebagai alat bantuan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan semasa sesi praktikal haji dan umrah bagi semua pihak sama ada sekolah, masjid, syarikat pelancongan dan Tabung Haji bagi membantu menambah fokus dan kefahaman bakal jemaah haji dan umrah sebelum berangkat ke Tanah Suci Mekah.

Anggaran harga bagi pembelian set PAHAM adalah RM35,000. Konsep sewa juga disediakan bagi yang hanya ingin menyewa dengan kadar RM800 sehari penggunaan.

Ejen negeri sangat diperlukan bagi menyebar luaskan penggunaan set PAHAM ini dengan menghubungi Kumpulan Penyelidik Kejuruteraan Industri dan Sistem, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan atau shahir@uthm.edu.my.

SET PAHAM membantu program bimbingan dilakukan dengan lebih mudah.

